

**SEMAK
MENGIKUT PENYAMPAIAN**

**EMBARGO
SEHINGGA DISAMPAIKAN**



UCAPAN YAB DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD

MENTERI BESAR JOHOR

MESYUARAT KEDUA (BELANJAWAN JOHOR 2022)

BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT

DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14

18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

MEMPERHEBAT KESEJAHTERAAN JOHOR

1.0. Pendahuluan

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillahil Rabbi A'lamina Wabihi Nasta'in.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

1. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, kepada keluarga dan sahabat baginda, Tabi' Tabi'in dan para ulama, semoga memperoleh rahmat Allah pada hari kiamat kelak.
2. Buat pertama-tamanya, patik merafak sembah menjunjung kasih dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucap selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, sempena Sambutan Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada 22 November 2021 bersamaan 17 Rabiulakhir 1443 Hijrah.
3. Patik berdoa semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Permaisuri Johor dilanjutkan usia dalam keafiatan dan sentiasa berada dalam limpahan rahmat dan keampunan Allah S.W.T. Semoga di bawah naungan Tuanku, Negeri Johor bertambah aman, makmur dan sejahtera. Daulat Tuanku!
4. Dengan penuh hormat dan takzim, saya mohon izin Dewan yang mulia ini untuk membentangkan Belanjawan Negeri Johor 2022.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

5. Dalam episod sejarah pembangunan negara-bangsa, terdapat lima dimensi utama yang direkayasakan, iaitu kepimpinan berintegriti, pembangunan

fizikal, kemakmuran ekonomi, kesejahteraan sosial dan kedaulatan wilayah. Ia menjadi agenda utama yang meletakkan sesebuah negeri atau negara mencapai peradaban berimpak tinggi. Negeri Johor umpamanya, Dalam konteks ini, saya berpendapat Kesultanan Johor Moden yang diasaskan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar telah meletakkan Johor sebagai sebuah peradaban tinggi yang diteladani oleh banyak negeri dan wilayah, khususnya di Alam Melayu.

6. Dalam pada itu, tempoh sejarah Johor yang panjang turut disulami dengan pelbagai cabaran. Pada peringkat awal, campurtangan kolonial telah mengganggu kelancaran pemerintahan dan pentadbiran negeri. Zaman krisis perang dunia pertama dan kedua, Perang Dingin, kemelesetan ekonomi dunia, kejatuhan harga komoditi, dan pengaruh kuasa-kuasa besar turut mempengaruhi pertumbuhan ekonomi termasuk Johor.
7. Pandemik Covid-19 yang merebak ke seluruh pelosok dunia, termasuk Negeri Johor, kini boleh ditangani dengan penerimaan vaksin yang tinggi serta kadar pematuhan SOP yang meningkat. Kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di Negeri Johor kini mencecah 97 peratus. Alhamdulillah, kita dapat lihat dengan peningkatan penerimaan vaksin di Johor, kadar pesakit Covid-19 yang memerlukan rawatan di hospital secara *seven-day-rolling-average* atau purata tujuh hari berturut, berada pada tahap terendah sejak bulan Mei 2021. Syukur ke hadrat Illahi, kejayaan ini sudah tentu tidak boleh dicapai tanpa izin-Nya.
8. Pada masa yang sama, patik juga ingin merafak sembah menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku, dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, kerana sudi mencemar duli dan menzahirkan keprihatinan mengenai kadar vaksinasi Covid-19 di negeri Johor.

9. Patik juga menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan atas sumbangan Yayasan Sultan Ibrahim bagi membantu rakyat negeri Johor yang terkesan ekonominya akibat pandemik Covid-19.

Raja dan rakyat berpisah tiada

Masalah rakyat dikongsi bersama

Rakyat mengangkat sistem beraja

Negeri Johor makmur sejahtera.

10. Yang terpenting, kejayaan ini adalah dari hasil pengorbanan warga barisan hadapan atau frontliners, yang telah bertungkus lumus untuk menjalankan tugas mereka tanpa lelah. Bagi pihak Kerajaan Negeri Johor, jutaan ucapan terima kasih kepada anda semua.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Rakan-Rakan seperjuangan di dalam Dewan yang Mulia ini,

11. Kita juga dimaklumkan Yang Berhormat ADUN Kempas tidak dapat hadir atas faktor kesihatan. Marilah kita bersama-sama mendoakan kesihatan dan kesejahteraan beliau dan keluarga.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

12. Dengan dorongan semangat yang patriotik kepada Negeri Johor Darul Ta'zim, izinkan saya membentangkan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2022 yang akan menggariskan strategi untuk memulihkan ekonomi negeri yang sekaligus akan mensejahterakan kehidupan rakyat berlandaskan kepada objektif untuk Memperhebat Kesejahteraan Johor.

2.0. Senario dan Unjuran Ekonomi Global, Negara & Negeri Johor

2.1. Senario dan Unjuran Ekonomi Global

13. Mutakhir ini, ekonomi global sudah mula menampakkan pergerakan positif yang didorong oleh ekonomi-ekonomi utama dunia. Menurut anggaran Dana Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF), ekonomi global diunjurkan berkembang sebanyak 5.9 peratus pada penutup tahun 2021, diikuti dengan perkembangan pada kadar 4.9 peratus pada tahun 2022.
14. Di sebalik anggaran positif ini, IMF mengingatkan masyarakat antarabangsa tentang jurang pertumbuhan ekonomi yang semakin meluas antara negara maju dan negara membangun. Dua faktor pendorong ketidak samarataan ini ialah kadar vaksinasi yang lembap serta skala sokongan fiskal yang lemah dalam kalangan negara membangun.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

15. Di Malaysia, data mencadangkan bahawa di sebalik kerancangan ekonomi global, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dianggarkan hanya akan beransur pulih ke tahap pra-krisis pada akhir tahun 2022. Kementerian Kewangan Malaysia meramalkan bahawa KDNK akan mengukuh antara 5.5 peratus hingga 6.5 peratus pada 2022.
16. Lantaran itu, Belanjawan Negara 2022 yang baru dibentangkan di Parlimen beberapa minggu yang lalu telah memperuntukkan perbelanjaan yang terbesar dalam sejarah Malaysia. Jadi, besarlah harapan kita untuk melihat perkembangan positif ini dapat memacu pemulihan ekonomi negara dan ekonomi negeri secara khususnya.

2.3. Senario dan Unjuran Ekonomi Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

17. Kerajaan Negeri sedar bahawa ekonomi Negeri Johor juga telah terkesan akibat impak Covid-19 yang meluas. Disebabkan hal ini, kadar pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus pada tahun 2020 berbanding 2.7 peratus pada tahun sebelumnya, dan jumlah penduduk yang berada di luar tenaga buruh formal juga bertambah. Selain itu, kadar kemiskinan mutlak di Negeri Johor juga naik dari 3.9 peratus pada tahun 2019 kepada 5.9 peratus pada tahun 2020.
18. Namun, persekitaran ekonomi terkini dan unjuran menunjukkan bahawa ekonomi Johor akan beransur pulih. Selepas penguncupan sebanyak 4.6 peratus pada tahun 2020, ekonomi negeri diunjurkan berkembang sekitar 3.5 sehingga 4.1 peratus pada tahun 2021 dan akan terus tumbuh kepada tahap pra-krisis dalam separuh pertama tahun 2022.
19. Tambahan lagi, prospek ekonomi yang semakin baik juga telah memperlihatkan peningkatan dalam peluang pekerjaan pada tahun ini. Contohnya, statistik terkini daripada PERKESO menunjukkan bahawa jumlah jawatan kosong sudah semakin meningkat daripada 14,101 pada bulan September kepada 16,576 pada bulan Oktober.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

3.0. Prestasi pelaksanaan Belanjawan 2021

Yang Berhormat Tuan Speaker,

20. Sebagai Kerajaan Negeri yang bersifat telus dan terbuka, sudah menjadi tanggungjawab kami untuk melaporkan prestasi pelaksanaan Belanjawan

2021. Saya berharap rakyat boleh menilai prestasi Kerajaan Negeri secara bijaksana dan berhemah.

21. Saya amat berbesar hati untuk melaporkan bahawa setakat suku ketiga tahun 2021, 141 inisiatif yang terkandung dalam Belanjawan 2021, dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM850 juta telah pun, secara purata mencapai tahap Key Performance Indicator (KPI) sebanyak 85.1 peratus.
22. Rumusan pencapaian-pencapaian adalah seperti berikut:
 - **Dua agenda**, Agenda Johor Niaga dan Agenda Governans Johor telahpun mencapai KPI **100 peratus**.
 - **Tujuh agenda**, iaitu Johor Berkebakjikan; Orang Muda Johor; Johor Digital; Johor Prihatin; Modal Insan Johor; Majestic Johor; dan Prasarana Johor telahpun mencapai KPI diantara **80 hingga 99 peratus**.
 - Manakala **tiga agenda**, iaitu Masyarakat Desa Johor; Johor Tani; dan Johor Madani telahpun mencapai KPI diantara **60 hingga 79 peratus**.
23. Meskipun pencapaian-pencapaian tersebut adalah memberangsangkan, saya ingin mengingatkan seluruh jentera Kerajaan Negeri bahawa masih terdapat sebulan setengah sebelum tahun 2021 berakhir.

4.0. Tema dan Asas Utama Belanjawan Johor 2022

Yang Berhormat Tuan Speaker,

24. Tema Belanjawan Johor 2022 yang dipilih adalah **Memperhebat Kesejahteraan Johor**. Ia selari dengan hasrat kerajaan untuk memastikan kelangsungan hidup rakyat Johor yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

25. Justeru, pada hemat saya, Belanjawan 2022 ini amat bermakna. Belanjawan ini menyerlahkan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memberi suntikan dan lonjakan baharu kepada pertumbuhan negeri Johor yang mampan dari segi ekonomi, sosial dan fizikal, dan berdaya tahan.
26. Segala pertimbangan dalam Belanjawan 2022 ini bakal dipandu oleh dua asas utama. iaitu:
- **Pertama**, mendekati dan meringankan bebanan rakyat yang terhimpit akibat pandemik Covid-19.
 - **Kedua**, menggiatkan usaha awalan dalam memulihkan semula sektor-sektor ekonomi secara menyeluruh.

5.0. Strategi Kewangan Belanjawan 2022

Yang Berhormat Tuan Speaker,

27. Izinkan saya memberi gambaran kedudukan kewangan Negeri Johor bagi tahun 2022. Pada tahun 2022, unjuran hasil Negeri Johor adalah sebanyak **RM1,671.54 juta**. Manakala unjuran perbelanjaan pada tahun 2022 adalah sebanyak **RM1,958.01 juta**. Senario ini menunjukkan Belanjawan 2022 adalah Belanjawan defisit iaitu sebanyak **RM286.47 juta**.
28. Sejumlah **RM1,087.51 juta** (tidak termasuk caruman kepada pelbagai Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 - Akta 61) diperuntukkan bagi tujuan belanja mengurus. Pecahan perbelanjaan belanja mengurus adalah seperti berikut:
- Emolumen sebanyak **RM549.89 juta**.
 - Perkhidmatan dan bekalan sebanyak **RM319.00 juta**.

- Aset sebanyak **RM22.67 juta**.
 - Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **RM182.03 juta**.
 - Perbelanjaan lain sebanyak **RM13.92 juta**.
29. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2022 pula akan diperuntukkan sebanyak **RM870 juta**.
30. Keseluruhannya, perbelanjaan tersebut adalah bagi melaksanakan **4 Impetus dan 12 Agenda Utama**.
31. Walau bagaimanapun, anggaran hasil dan defisit kami ini tertakluk kepada tahap ketidakpastian yang tinggi, disebabkan beberapa faktor seperti berikut:
- **Pertama**, kemungkinan kemunculan varian baru dan impak sosioekonominya.
 - **Kedua**, keadaan ekonomi peringkat negara dan antarabangsa.
 - **Ketiga**, pembukaan sempadan antarabangsa terutamanya dengan Singapura.
32. Strategi Kewangan Belanjawan 2022 adalah seperti berikut:
- **Pertama**, belanjawan ini terus mengoptimumkan segala sumber yang ada pada Kerajaan Negeri. Ini termasuklah melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor dan Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC) Negeri.
 - **Kedua**, Belanjawan 2022 ini akan turut berpandukan konsep “*counter-cyclical spending*”. Selaras dengan ekonomi negara, ekonomi negeri Johor semakin pulih secara beransur-ansur.

33. Secara keseluruhan, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di atas peruntukan sebanyak RM4.6 bilion bagi perbelanjaan pembangunan Rolling Plan 2 (2022) di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi negeri Johor yang merangkumi 355 projek sambungan dan 79 projek baru. Diharapkan sokongan Kerajaan Persekutuan dalam menyediakan peruntukan-peruntukan pembangunan ini akan diteruskan terutama melibatkan projek-projek infrastruktur utama dan program sosial yang lain.
34. Oleh itu, Belanjawan Johor 2022 adalah belanjawan mengembang. Kerajaan Negeri berusaha meningkatkan perbelanjaan dan defisit fiskal untuk menjayakan pelbagai inisiatif di bawah belanjawan ini.
35. Sehubungan itu, usaha konsolidasi fiskal akan ditanggung sehingga terdapat tanda-tanda jelas bahawa asas pemulihan ekonomi sudah kukuh dan teguh. Jadikan ini sebagai tanda komitmen Kerajaan Negeri terhadap ekonomi dan kesejahteraan rakyat Johor.

6.0. Pelaksanaan Belanjawan 2022

Yang Berhormat Tuan Speaker,

36. Untuk Belanjawan 2022, strategi bagi mempersiapkan negeri dan rakyat Johor akan dipacu oleh empat **impetus** ekonomi baharu. Penumpuan pada impetus-impetus ini adalah berdasarkan kesedaran dan kecaknaan tentang impak besar yang boleh dibawa dalam usaha memulihkan dan memperkukuh ekonomi kita. Impetus ini terdiri daripada:
 - Memperkasakan Perlindungan Sosial dan Pemberdayaan Modal Insan.
 - Mempertingkatkan Jaminan Bekalan Makanan Johor.

- Memperluas Pendigitalan.
 - Memperbaharui Ekosistem Pelaburan dan Ekonomi Hijau.
37. Pada masa yang sama, 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan, dan Keberhasilan Utama yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 juga bakal diteruskan dan ditambah baik.
 38. Sebelum itu, saya ingin menegaskan bahawa untuk merealisasikan objektif Belanjawan 2022, Kerajaan Negeri tidak boleh melakukannya bersendirian.
 39. Dengan tagline rasmi “Muafakat itu Berkat”, kita perlu bersolidariti, kita perlu bekerjasama, kita perlu menggembeleng seluruh tenaga dan pemikiran untuk menjayakan pelan-pelan ekonomi dan sosial sepertimana yang digariskan dalam Belanjawan tahun depan.
 40. Ini termasuklah kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat yang diamanahkan sebagai wakil rakyat. Rakyat sudah muak dengan sentimen politik *assabiyah*. Di bawah pentadbiran saya, kita sentiasa bersikap minda terbuka dan berlapang dada untuk menerima pandangan, kritikan dan cadangan konstruktif.
 41. Jadi, bagi memastikan prinsip dan semangat pendemokrasian YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Johor memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Johor, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya kesemua YB Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, akan menerima peruntukan yang tetap sebanyak RM200 ribu setiap tahun. Peruntukan ini adalah bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran di kawasan DUN masing-masing serta peruntukan kerja-kerja kecil dan bekalan.
 42. Sebagai tambahan, bagi Belanjawan 2022, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan tambahan sebanyak RM50 ribu bagi setiap YB ADUN

bagi tujuan perayaan-perayaan besar seperti Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan lain-lain.

43. Perkara ini akan dibawa melalui Jawatankuasa Pilihan yang mana Jawatankuasa tersebut akan membuat ketetapan berkaitan perkara ini untuk dibawa ke Dewan Negeri.
44. Saya berharap agar peruntukan di atas, sedikit sebanyak dapat melegakan setiap YB ADUN dalam menjalankan tugas sebagai wakil rakyat. Saya juga percaya bahawa semangat Muafakat Bangsa Johor dapat meningkatkan kesediaan kita untuk menangani pelbagai cabaran masa depan.
45. Sebagai respon kepada permintaan ADUN Pembangkang untuk terlibat sama di dalam Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Daerah (JTPD), Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjemput ADUN Pembangkang untuk menyertai mesyuarat itu sebagai pemerhati.

6.1. Impetus Ekonomi Baharu

6.1.1. Mempertingkatkan Jaminan Bekalan Makanan Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

46. Kerajaan Negeri beriltizam tinggi untuk menjadikan Johor sebagai hab makanan untuk pasaran domestik, pasaran serantau dan antarabangsa. Johor akan membangunkan industri agromakanan Johor sebagai industri yang mampan dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa.
47. Untuk makluman sidang dewan, Kementerian Kewangan telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM34 juta** kepada Negeri Johor bagi Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melaksanakan Program Jaminan Bekalan Makanan melalui **Pelan Jana Semula Ekonomi Negara**

(PENJANA). Menerusi pelan ini, Jabatan Pertanian Negeri Johor telah diperuntukkan sebanyak **RM16.6 juta**.

48. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri sedang dalam proses untuk merangka Dasar Agromakanan Negeri Johor. Dasar baharu ini bertujuan untuk merancang pembangunan industri agromakanan yang bakal memodenkan sektor agromakanan Johor.
49. **Inisiatif pertama**, Program Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan (CPPC). Melalui inisiatif CPPC, Kerajaan Negeri melalui Johor Biotech, akan berusahasama dengan Syarikat Peneraju dalam membangunkan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan di Bio-Desaru dengan keluasan lebih 10 ekar. Usahasama yang bakal dilaksanakan ini akan menguatkan lagi ekosistem perniagaan agromakanan di Johor.
50. **Inisiatif kedua**, adalah Pemuliharaan Sumber Perikanan dan Pengurusan Estet Kerang-Kerangan Negeri Johor. Johor merupakan pengeluar hasil kerangan tertinggi di Malaysia. Dengan adanya rancangan ini, ia memberi manfaat dengan memajukan ekonomi pesisir pantai untuk perusahaan akuakultur, kerang-kerangan dan aktiviti hiliran. Sebanyak **RM520 ribu** telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan inisiatif ini di Perairan Daerah Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Pontian.
51. **Inisiatif ketiga**, untuk makluman, negeri Johor dilihat berpotensi sebagai pengeluar produk tenusu utama di Malaysia, dan telah menyumbang sebanyak 6.7 juta liter susu setahun kepada pengeluaran susu negara. Bagi meningkatkan lagi potensi Johor sebagai pengeluar produk tenusu, Kerajaan Negeri akan bekerjasama pihak ECERDC untuk membangunkan Projek Pembangunan Lembah Tenusu Jemaluang di daerah Mersing, yang dijangka akan menyumbang 6.57 juta liter lagi pengeluaran susu iaitu

bersamaan 10 peratus bagi penghasilan tenusu negara mulai tahun 2023.

52. Dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan di Johor, pihak Kerajaan Negeri, melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor akan memperkasakan lagi pelaksanaan **program Zon Pelaburan Makanan (ZPM), Zon Tanaman Makanan (ZTM) dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)** seluas **12,461 hektar** di seluruh negeri Johor.
53. Di samping itu, Kerajaan Negeri bersama ECERDC akan membangunkan kawasan tanaman kelapa dengan inisiatif daripada syarikat swasta di Mersing bagi menampung kekurangan bekalan kelapa di Negeri Johor dan Malaysia.

6.1.2. Memperluas Pendigitalan Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

54. Sejak pandemik Covid-19 melanda, kita lakukan aktiviti seharian atau gaya hidup dengan norma baharu dan hampir semua aktiviti perlu dilakukan secara dalam talian atau *online* termasuk aktiviti perniagaan.
55. Dalam konteks semasa, sewajarnya Kerajaan Negeri mengangkat tahap pendigitalan bagi menangani isu-isu yang timbul semasa proses transformasi dalam era digital.
56. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bakal memperkenalkan **Pelan Induk Digital Johor** yang akan mencorakkan hala tuju utama digital di Negeri Johor dalam beberapa tahun yang akan datang.
57. Pelan Induk ini juga bertujuan mempersiapkan rakyat Johor untuk menghadapi cabaran masa depan yang lebih gemilang. Pelan Induk ini

akan memperkuat kedudukan dan keupayaan untuk menjalankan mandat, misi, dan mencapai sasaran jangka pendek dan panjang.

58. Terdapat lima (5) tunjang utama yang akan menyokong Pelan Induk ini, iaitu **Infrastruktur Digital dan Teknologi Baru, Kerajaan Digital, Industri dan Ekonomi, Bakat Digital dan Rakyat Digital**,
59. Berpaksakan tonggak ini, Kerajaan Negeri mempunyai harapan yang tinggi untuk mencapai kejayaan yang berkepentingan **Rakyat, Perniagaan dan Kerajaan**.

6.1.3. Memperkasakan Perlindungan Sosial dan Pemberdayaan Modal Insan

Yang Berhormat Tuan Speaker,

60. Pandemik ini telah memberi pengajaran yang cukup berguna kepada kita semua tentang dua perkara. **Pertama**, betapa pentingnya perlindungan sosial yang lengkap sebagai persediaan terutamanya ketika waktu kritikal. **Kedua**, adalah keperluan untuk meningkatkan produktiviti bagi menjana semula ekonomi negeri dengan menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia dan wanita.
61. Kerajaan Negeri sangat bersimpati dengan rakyat Johor yang telah kehilangan ahli-ahli keluarga tersayang akibat pandemik Covid-19 terutamanya anak-anak muda. Keperitan hidup yang dihadapi oleh anak-anak ini tidak dapat saya bayangkan kerana terpaksa membesar tanpa kasih sayang ibu dan bapa.
62. Maka, bagi menyantuni masa depan anak-anak yatim piatu ini, Kerajaan Negeri menyediakan sebanyak **RM3 juta** untuk melaksanakan inisiatif **Anak Angkat Makmur Johor** yang bakal diterajui oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim.

63. Di bawah inisiatif ini, bantuan antara **RM2,500 sehingga RM5,000 akan diberikan secara one-off** kepada setiap anak Johor sebagai simpanan SSPN PRIME. Anak-anak di sekolah rendah dan menengah akan menerima **bantuan voucher persekolahan**, manakala mereka yang baru tamat persekolahan akan **menerima bantuan yuran kemasukan ke institusi pengajian tinggi**.
64. Tambahan lagi, dengan kerjasama strategik bersama pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor, **program kaunseling dan motivasi juga akan disediakan**. Harapan saya agar usaha ini dapat membantu seramai 1,000 orang anak Johor yang kehilangan ibu bapa akibat pandemik Covid-19 dan memastikan kebajikan mereka juga sentiasa terjaga.
65. Dalam konteks yang lebih besar, buat julung kalinya, satu **Modul Lindungi Permata Johor** juga bakal dibangunkan. Inisiatif ini adalah untuk melindungi hak kanak-kanak, waris-waris kita, daripada semua bentuk eksploitasi, diskriminasi dan penderaan bagi memastikan perkembangan yang sihat kanak-kanak selaras dengan Dasar Kanak-Kanak Negara. Modul ini dijangka dapat memanfaatkan 401 pusat jagaan kanak-kanak dan taska di Negeri Johor.
66. Tambahan lagi, bagi memastikan kualiti penjagaan kanak-kanak di pusat jagaan terjaga dan mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, **Insentif Yuran Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Permata (KAP)** sebanyak **RM180 ribu** akan diperuntukkan. Dengan inisiatif ini, jumlah pengasuh kanak-kanak yang bertauliah akan dianggarkan bakal meningkat kepada **200 orang**.
67. Kerajaan Negeri akan memberi bantuan kepada golongan isi rumah untuk menangani jangkitan Covid-19. Jadi, peruntukan sebanyak **RM6 juta** disediakan untuk pengagihan kit ujian sendiri Covid-19 kepada isi rumah

yang memerlukan. Di bawah inisiatif ini, **3,000 kit ujian sendiri** akan diberikan kepada setiap ADUN dan setiap isi rumah bakal mendapat 5 set kit.

68. Berikutnya, Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) akan memberi fokus untuk **membantu golongan asnaf dari segi kos sara hidup** dengan peruntukan sebanyak RM161 juta. Usaha ini akan melibatkan inisiatif-inisiatif berikut:

- Bantuan sara hidup sebanyak **RM150** hingga **RM750** sebulan untuk **18,000 fakir miskin**;
- Bantuan rawatan buah pinggang sebanyak **RM1,000** hingga **RM4,000** untuk **3,000 fakir miskin**; dan
- Bantuan untuk perubatan pelbagai sebanyak **RM200** hingga **RM750** untuk **4,000 fakir miskin**.

69. Bagi **memulihkan sosioekonomi asnaf**, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk memperkenalkan program-program baharu dengan peruntukan dari MAIJ berjumlah **RM21.4 juta**. Ini terdiri daripada **bantuan keperluan asas** bernilai **RM18.5 juta**, dan **bantuan peningkatan ekonomi yang bernilai** sebanyak **RM2.9 juta**. Antara inisiatifnya adalah seperti berikut:

- Bantuan untuk membeli pakaian sekolah dan alat tulis untuk 32,000 orang pelajar dengan peruntukan sebanyak RM8.2 juta;
- Bantuan bakul makanan, sewa rumah, dan bil utiliti untuk 25,000 orang dengan peruntukan berjumlah RM4 juta;
- Bantuan yuran pendaftaran untuk 2,000 orang pelajar IPT dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2.2 juta;

- Pengagihan peranti digital kepada 1,500 orang pelajar sekolah rendah, menengah dan IPT dengan peruntukan berjumlah RM2 juta;
 - Bantuan yuran untuk 10,000 orang pelajar sekolah agama dengan jumlah peruntukan sebanyak RM1 juta; dan
 - RM500 ribu akan disalurkan ke dana pesakit jantung di Institut Jantung Negara (IJN).
70. Kerajaan Negeri seterusnya akan melaksanakan **Projek Ekonomi Rakyat dan Kumpulan Sasar (PERKASA)** yang terdahulunya dikenali sebagai Projek Pembangunan Ekonomi Johor (PROPER) oleh YPKDT bagi memperbaiki keadaan ekonomi rakyat terutamanya masyarakat luar bandar. Projek ini memberi peluang pekerjaan dalam sektor tani secara kecil-kecilan kepada 16 komuniti setempat tanpa mengira kaum, gelandangan dan OKU. Peruntukan bagi inisiatif ini adalah sebanyak RM300 ribu.

6.1.4. Memperbaharui Ekosistem Pelaburan dan Ekonomi Hijau

6.1.4.1. Ekosistem Pelaburan

Yang Berhormat Tuan Speaker,

71. Negeri kita telah diberkati dengan lokasi yang teramat strategik di laluan perdagangan serantau. Dari segi domestik, kedudukan Negeri Johor di bahagian selatan semenanjung Malaysia membolehkan kehadiran institusi pembangunan wilayah-wilayah pembangunan seperti East Coast Economic Region (ECER), *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA), dan Pagoh Special Economic Zone (PSEZ).

72. Dalam hal yang sama, saya ingin mengumumkan bahawa, semasa Sidang Kemuncak *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT) yang ke-13, Negeri Johor telah dijemput masuk sebagai anggota baharu IMT-GT.
73. Dengan penglibatan Johor di dalam IMT-GT juga, ia telah membuka peluang bagi pendekatan SIJORI untuk ditambah baik, dengan mengukuhkan hubungan secara langsung dalam pelbagai bidang di antara Johor dan Singapura serta Johor dan Riau.
74. Secara keseluruhan, saya yakin, dengan penglibatan Johor di dalam IMT-GT, potensi limpahan ekonomi ke Johor, terutamanya dalam pelbagai bidang pelaburan, akan dapat diperluaskan dengan perbincangan yang melibatkan pelbagai pihak sama ada Kerajaan mahupun swasta.
75. Untuk merencanakan lagi aktiviti pelaburan di Johor, terutama sekali dalam konteks ekonomi semasa, usaha untuk menarik pelabur-pelabur berpotensi ke Negeri Johor mestilah diteruskan.
76. Oleh yang demikian, Pelan Induk Pelaburan Negeri Johor 2030 akan dilancarkan dalam masa terdekat, berdasarkan (4) empat teras strategik pelaburan dalam tempoh 10 tahun akan datang. Pelan ini akan menjadi asas kepada usaha untuk menjadikan Johor sebagai destinasi pelaburan utama di Asia Tenggara.
77. Menerusi saranan Ibrahim Johor Economic Council (IJEC), Kerajaan Negeri akan menggunakan khidmat perunding pelaburan. Dalam konteks ekonomi semasa yang dinamik dan berubah-ubah, usaha menarik pelabur ke negeri Johor akan dilaksanakan dengan lebih berfokus, tersusun dan membuahkan hasil yang optimum kepada Kerajaan Negeri dalam jangka masa terdekat.

78. Selain itu, untuk mengekalkan status Johor sebagai pusat pelaburan yang bernilai tinggi, Kerajaan Negeri akan:

- **Pertama**, bagi memperluaskan promosi pelaburan ke peringkat global, Kerajaan Negeri melalui *Invest Johor* akan melancarkan program ***Johor Go Global***. Program ini akan meningkatkan promosi secara dalam talian dengan peruntukan sebanyak RM450 ribu.
- **Kedua**, Kerajaan Negeri melalui *Invest Johor* akan melaksanakan program ***Friendly Johor*** bagi menyantuni pelabur baharu dan pelabur sedia ada dengan peruntukan sebanyak RM470 ribu.
- **Ketiga**, sebagai permulaan Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM10 juta bagi penyediaan **Tabung Fasiliti Pelaburan (*Investment Facilitation Fund*)**. Tabung ini akan meningkatkan keupayaan dan daya saing para pelabur di negeri Johor dalam pelbagai bidang.
- **Keempat**, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha Misi Pelaburan (*Trade Mission*) untuk mengenal pasti peluang perniagaan yang bermanfaat untuk meningkatkan kemasukan pelaburan asing ke negeri Johor dapat dilaksanakan secara berterusan.
- **Kelima**, Kerajaan Negeri akan memperkasakan Johor Convention Exhibition Bureau (JCEB) dengan memperkemas peranan serta tanggungjawabnya dalam usaha merangka dan mengkoordinasi *business event* di negeri Johor.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

79. Pergerakan rentas sempadan di antara Johor dan Singapura merupakan norma kehidupan untuk sesetengah rakyat Johor. Saya faham sejak bermulanya pandemik ini, ramai ahli keluarga, saudara-mara dan rakan handai terpaksa berpisah tanpa kerelaan.
80. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri sentiasa berbincang dengan Kerajaan Persekutuan berkenaan usaha-usaha membuka semula sempadan Johor dan Singapura.
81. Sehubungan dengan itu, alhamdulillah, baru-baru ini *Vaccinated Travel Lane* (VTL) diantara KLIA dan Changi Airport telah diumumkan dan akan dilancarkan pada 29 November ini.
82. Sejajar dengan itu, Kerajaan Negeri juga berharap agar VTL secara darat dapat dilancarkan dalam masa terdekat dengan prosedur kesihatan yang munasabah agar pergerakan rentas sempadan Johor dan Singapura dapat disambung semula.

6.1.4.2. Ekonomi Hijau

Yang Berhormat Tuan Speaker,

83. Pertumbuhan ekonomi dunia akan lebih beralih kepada aspek pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dalam konteks pembangunan ekonomi. Kita perlu menggandakan usaha dalam menjayakan ekosistem pelaburan dan hijau memandangkan eksport utama negeri Johor adalah produk petroleum bertapis dan minyak kelapa sawit yang dijangka akan menerima kesan daripada transformasi ekonomi hijau di peringkat global.
84. Walau bagaimanapun, inisiatif ekonomi hijau bukanlah sesuatu yang asing di Negeri Johor. Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan lima (5) Pihak Berkuasa Tempatan, MBBB, MBIP, MBPG, MP Kulai dan

MP Pontian telah bekerjasama dalam penerbitan Kajian Inventori Gas Rumah Kaca (GHG) Iskandar Malaysia bagi tahun 2018 dan 2019.

85. Walaupun pertumbuhan ekonomi agak pesat pada tempoh berkenaan, Laporan Inventori Gas Rumah Kaca (GHGIR) Iskandar Malaysia yang mengguna pakai piawaian antarabangsa menunjukkan penurunan intensiti karbon sebanyak 19.7 peratus pada tahun 2019. Seajar dengan komitmen Malaysia untuk menjadi sebuah negara neutral karbon menjelang tahun 2050, Pelan Tindakan Iklim (LCSBPIM 2030 CAP) juga akan dirangka oleh pihak IRDA, PBT dan agensi teknikal yang berkaitan.
86. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan turut merangka Roadmap ekonomi hijau “Johor Green Deal” pada tahun hadapan. Ia merupakan suatu pelan menyeluruh bagi pertumbuhan ekonomi hijau negeri yang akan dapat membolehkan pengenalan insentif dan faedah untuk pelaburan yang berasaskan Persekitaran, Sosial dan Urus Tadbir (ESG). Jumlah aset yang diurus dalam dana ESG Asia kecuali Jepun telah meningkat kepada 36.7 bilion dolar pada suku pertama tahun ini daripada 25.4 bilion dolar pada akhir tahun 2020. Kerajaan Negeri akan mencorak langkah untuk mengembangkan potensi sedia ada ini.

6.2. Strategi Pelaksanaan Belanjawan 2022: Memperhebat 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan dan Keberhasilan Utama

Yang Berhormat Tuan Speaker,

87. Empat impetus ini direncana sebagai pemangkin kebangkitan Johor secara inklusif dan holistik. Sebagai Ketua Eksekutif Kerajaan Johor, saya bersama seluruh kakitangan Kerajaan Johor akan menggembleng tenaga dan pemikiran bagi memastikan kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan rakyat Johor. Di samping itu, kesemua agenda dalam Belanjawan 2021

akan terus dijalankan dan ditambah baik.

6.2.1. Johor Tani

88. Belanjawan Johor 2022 akan memperhebatkan Agenda Johor Tani dengan penggubalan Dasar Agro Makanan Negeri Johor (DANJo) yang menekankan kepentingan Rantaian Bekalan Makanan sama ada industri hulu dan hiliran melalui Analisa *Input-output* bagi mengukuhkan kedudukan Johor sebagai hab makanan serantau.

89. Kelangsungan Jaminan Bekalan Makanan akan diteruskan dengan **15 inisiatif** dengan peruntukan sebanyak **RM18.9 juta** yang merangkumi **32 projek** di bawah pelbagai jabatan. Antara inisiatif-inisiatif tersebut:

- **Pertama**, Pembangunan Industri Pengeluaran Tanaman Makanan Utama, **5 projek**, iaitu tanaman buah-buahan jangka pendek, tanaman sayur-sayuran, tanaman kontan, tanaman kelapa dan Taman Agro Makanan akan diperkasakan dengan peruntukan sebanyak **RM2.9 juta** bagi tahun 2022.
- **Kedua**, sebanyak **RM2.14 juta** disalurkan bagi Program Pembangunan Industri Asas Tani, bertujuan untuk meningkatkan tahap kemahiran usahawan tani dan industri asas tani dalam aspek operasi dan pengeluaran, pengurusan perniagaan dan pemasaran yang lebih sistematik.
- **Ketiga**, peruntukan sebanyak **RM6.2 juta** akan disediakan bagi membangunkan Program Infrastruktur Pengairan, Saliran Pertanian dan Jalan Ladang untuk keseluruhan negeri Johor.
- **Keempat**, adalah Pengecualian Pembayaran Lesen Perladangan Unggas Negeri Johor yang akan memberi manfaat kepada pengusaha **707 ladang unggas**. Sejumlah **RM420 ribu** akan turut disalurkan bagi tujuan Pembangunan Industri Tenusu dan Pembiak-bakaan yang berpotensi untuk

melengkapkan rantai bekalan.

- **Kelima**, adalah Program Kawalan Penyakit dan Kesihatan Ternakan merangkumi pengawalan dan pembasmian penyakit ternakan dengan peruntukan sebanyak **RM1.33 juta** yang akan memberi manfaat kepada **1,000 penternak**.

90. Sokongan penuh kepada para pengeluar makanan tempatan akan diteruskan dengan penambahbaikan infrastruktur lima Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) di bawah seliaan Lembaga Pertubuhan Peladang.
91. Kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri dan pihak swasta mahupun Government linked company (GLC) seperti Kulim (Malaysia) Berhad akan dipergiatkan pada tahun hadapan dengan pembangunan “Digital Wholesale Marketplace” yang akan menghubungkan setiap pemain industri dan mencakupi keseluruhan spektrum rantai nilai bermula daripada petani, penternak, sehingga ke pengeluar dan pengedar makanan terus kepada pengguna.

6.2.2. Agenda Johor Digital

Yang Berhormat Tuan Speaker,

92. **Agenda kedua adalah Agenda Johor Digital.** Dalam usaha pembangunan negeri, Kerajaan Negeri akan terus memperhebat pelaksanaan agenda Johor Digital sebagai salah satu strategi utama membangunkan sosioekonomi rakyat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi peruntukan sebanyak RM 21.5 juta bagi memastikan agenda Johor Digital ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
93. Antara isu yang mendesak semasa pandemik ini adalah jurang digital daripada segi infrastruktur, akses internet dan peranti digital, pengetahuan

orang ramai tentang teknologi digital dan paling penting, penerimaan masyarakat terhadap penggunaan digital.

94. Jadi, bagi menangani isu-isu mendesak tersebut, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:
95. **Pertama**, bagi mempertingkatkan kemahiran teknologi digital serta menyediakan guru dan pelajar dengan kemahiran pendidikan abad ke-21, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif **Johor Pendidikan Islam Digital Albayen**. Peruntukan yang diberikan adalah sebanyak **RM2 juta** bagi tahun 2022.
96. **Kedua**, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM500 ribu** untuk memperkenalkan inisiatif portal setempat yang dikenali sebagai **Johor Pay** yang memudahkan rakyat untuk berurusan secara dalam talian bagi perkhidmatan Kerajaan yang terpilih.
97. **Ketiga**, dengan kerjasama ECER, sebuah aplikasi digital yang diberi nama **Aplikasi Web ACES** akan diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan dalam kalangan pelajar di wilayah ECER tentang Revolusi Industri 4.0. Seramai **3,000 pelajar** di daerah Kota Tinggi, Segamat, dan Mersing dengan jumlah peruntukan **RM1.5 juta**.
98. **Keempat**, bagi memperkasa ekonomi digital di Johor, Kerajaan Negeri akan menarik lebih ramai usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menguruskan perniagaan mereka secara digital dengan memperkenalkan **Program Pendigitalan PKS Johor**. Peruntukan sebanyak **RM1.3 juta** telah disediakan untuk program ini. Program yang dijalankan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Negeri Johor (PUJB) ini menyasarkan kepada **1,000 usahawan PKS** yang layak.
99. **Kelima**, Kerajaan Negeri juga terus komited untuk membantu kelancaran

pembelajaran kepada **mahasiswa institut pengajian tinggi** melalui pemberian pakej internet selama setahun. Inisiatif ini akan memberi peluang kepada mahasiswa Johor yang layak untuk menerima akses internet yang terbaik. Sejumlah 3,000 orang anak Johor bakal menerima bantuan dalam bentuk pakej capaian internet ini selama setahun menerusi **Program Internet Mahasiswa Johor** dengan peruntukan sejumlah **RM1.7 juta** yang akan diselaraskan melalui Institut Dato' Onn (IDO).

100. **Keenam**, bagi memastikan penyampaian program serta informasi kerajaan dapat disampaikan dengan lebih meluas, cepat dan lancar, keupayaan digital wakil masyarakat iaitu ketua kampung perlu diperhebatkan. Justeru, menerusi inisiatif ini, peruntukan sebanyak **RM610 ribu** akan diberi kepada program **Ketua Kampung Digital**. Program ini bakal menjalankan latihan *digital onboarding* , pakej internet selama setahun dan tablet kepada kesemua ketua kampung. Usaha ini diharap mampu memudahkan urusan ketua kampung ini dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.
101. **Ketujuh**, Kerajaan Negeri berbangga apabila Drone Robotic Zone (DRZ) Iskandar telah diktiraf sebagai salah satu Tapak Ujian National Technology Innovation Sandbox (NTIS) di Malaysia yang memfokuskan kepada pembangunan teknologi drone dan robotik. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan menggalakkan penglibatan anak-anak muda menerusi **Young Drone Pilot Programme** dengan peruntukan sejumlah **RM2.3 juta** dengan sasaran sehingga **10,000 peserta**.
102. **Kelapan**, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkenalkan program kemahiran digital berteraskan *coding* di peringkat sekolah. Ia bertujuan untuk memupuk minat pelajar dari awal di dalam semua aspek pembelajaran dan meningkatkan kemahiran kreativiti, kerjasama, dan penyelesaian masalah menerusi '*high-order thinking*' bagi mempersiapkan

pelajar yang lebih kreatif, dinamik, dan menggalakkan kerja berpasukan. Kemahiran ini adalah asas kepada '*future ready skills*', yang menerapkan kemahiran IR 4.0 bagi meningkatkan daya kebolehpasaran pelajar di negeri Johor. Sejumlah **RM2.85 juta** akan diperuntukkan menerusi **Johor Youngster Coding Programme**. Program ini akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya **500,000 pelajar sekolah rendah dan menengah** di negeri Johor.

103. **Kesembilan**, pandemik Covid-19 memperlihatkan aktiviti-aktiviti **ekonomi gig** di negeri ini meningkat. Ini bermakna, jumlah penglibatan rakyat negeri Johor dalam ekosistem **ekonomi gig** juga semakin bertambah. Oleh itu, bagi memastikan sektor ekonomi ini kekal rancak, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) akan memberi insentif petrol secara *one-off* berjumlah **RM150** untuk setiap **15,051 pemandu e-hailing dan pemandu teksi**, sebanyak **RM100** untuk setiap **4,455 penghantar makanan** dengan jumlah keseluruhan peruntukan **RM2.7 juta**.
104. **Kesepuluh**, pada tahun ini, Agenda Johor Digital akan memperkenalkan **Program Galakan Internet Jalur Lebar Johor** yang berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar yang memberi fokus kepada keluarga **B40**. Kerajaan Negeri berhasrat memberi subsidi sebanyak **50%** daripada jumlah keseluruhan bil bulanan untuk kapasiti internet **100 mbps** selama **12 bulan**. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya **1,500 isi rumah** yang layak dan mempunyai akses talian gentian optik yang sedia ada dengan kerjasama **Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ)** melalui anak syarikatnya iaitu **Digital Infra Group Sdn. Bhd.** Jumlah peruntukan adalah **RM1.5 juta**.
105. **Kesebelas**, industri hiliran automotif seperti pembaikan kenderaan adalah

antara sektor terjejas sewaktu pandemik Covid-19. Ekoran daripada itu, ramai mekanik mahupun pemilik bengkel kenderaan yang kehilangan kerja dan perniagaan. Bagi memulihkan keadaan ini, Kerajaan Negeri melalui PUJB akan memperkenalkan **Program Johor e-Mekanik** dengan peruntukan sebanyak **RM2.4 juta**. Pelaksanaan program ini mampu memberi bantuan bimbingan kepada pengusaha bengkel dan mekanik yang terjejas untuk mengembalikan semula aktiviti mereka dalam pasaran melalui latihan dan juga proses *onboarding* secara digital.

106. **Keduabelas**, Johor akan terus berusaha mempromosikan negeri ini sebagai destinasi pelaburan syarikat **startup** berteraskan digital. Mengambil kira potensi negeri ini yang mempunyai infrastruktur lengkap, lokasi yang strategik dan ketersediaan tenaga mahir seperti di kawasan Medini Iskandar Malaysia, Kerajaan Negeri percaya dapat menarik syarikat **startup** untuk datang dan bertapak disini. Oleh itu kerajaan negeri bersetuju memperuntukan sejumlah **RM2.2 juta** dalam bentuk insentif geran dikenali sebagai **Digital Johor Startup Grant** yang akan menyasarkan antara **50 sehingga 100 syarikat** dalam tempoh dua tahun.
107. **Ketigabelas**, Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk **mentransformasi pengurusan lesen dan juga keupayaan premis-premis perniagaan PBT** di negeri ini ke arah digital. Perkhidmatan lesen pintar digital berasaskan teknologi Internet of Things (IoT) yang menggantikan kertas dan papan lesen sedia akan diperkenalkan. Perkhidmatan ini akan diintegrasikan dengan aplikasi sistem mudah-alih yang dapat memudahkan operasi penguatkuasaan yang lebih efisien dan yang lebih telus. Menerusi teknologi ini, aktiviti perniagaan haram, berniaga tanpa lesen, lesen tamat tempoh atau lesen palsu dapat dikuatkuasakan sebaiknya.
108. **Keempatbelas**, bagi memastikan pelaksanaan dan perancangan projek

pembangunan dan penswastaan berjalan dengan sistematik dan berkesan,

Kerajaan Negeri akan meluaskan fungsi **Sistem Pemantauan Projek Negeri Johor (JoMS)**.

109. **Dan terakhir**, Kerajaan Persekutuan akan meneruskan projek JENDELA yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM700 juta** bagi negeri Johor. Di bawah inisiatif nasional ini, perkhidmatan 5G akan diperluas ke 36 peratus kawasan liputan di beberapa buah negeri termasuk Johor. Saya yakin bahawa usaha ini akan dapat membantu lebih ramai rakyat Johor memperoleh akses internet dan maklumat.
110. Sebelum membentangkan agenda seterusnya, saya tekankan sekali lagi bahawa penerapan teknologi digital perlu terus diperkasa dalam kalangan rakyat Johor. Kerajaan Negeri juga serius untuk memastikan pembangunan digital di Negeri Johor akan berkembang secara inklusif dan saksama.
111. Lepas ini, nak main TikTok atau jadi *cybertrooper* pun senang, lancar dan tak tersekat-sekat.

6.2.3. Johor Niaga

Yang Berhormat Tuan Speaker,

112. **Agenda ketiga adalah Johor Niaga**. Daya tahan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) akan sentiasa menjadi tumpuan dan diperhebatkan Kerajaan Negeri dalam mempersiapkan Johor untuk mendepani cabaran pasca Covid-19.
113. Dalam Belanjawan Johor 2021, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bank Rakyat akan telah menyediakan pinjaman tanpa faedah kepada PKS

dengan jumlah **RM100 juta**. Pada tahun depan, inisiatif tersebut akan diteruskan dengan faedah pinjamannya diserap oleh Kerajaan Negeri.

114. Inisiatif ini sudah tentu akan memberi kelegaan kepada usahawan-usahawan untuk menyelesaikan masalah aliran tunai dalam perniagaan mereka. Selain itu, pihak Agrobank dan SME Bank juga akan turut serta dalam inisiatif yang sama dan butirannya akan dimuktamadkan pada tahun hadapan.
115. Dalam pertemuan saya bersama wakil-wakil parti daripada Pakatan Harapan (PH), pemimpin PH telah mencadangkan untuk inisiatif Geran Orang Lokal (G.O.L) diteruskan. Sehubungan dengan itu, bantuan menerusi Geran PKS Makmur Johor (G.O.L 4.0) akan diteruskan mengikut keperluan sektor perniagaan, dengan peruntukan berjumlah **RM3.5 juta**, dan bakal memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya **560 usahawan PKS dan mikro**.
116. Secara keseluruhan, banyak cadangan daripada pemimpin PH yang menyentuh kepada hal-hal berkaitan daya tahan perniagaan. Selain daripada dua inisiatif di atas, ada beberapa lagi inisiatif untuk komuniti perniagaan PKS dan mikro.
117. Seperti contoh, bagi memulihkan ekosistem keusahawanan, beberapa inisiatif dengan kerjasama pihak MARA dan JKM akan dijalankan di Negeri Johor. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan bantuan sebanyak **RM245 ribu** untuk **penyewa premis MARA, penerima bantuan JKM** dan **golongan OKU**.
118. Menerusi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM3 juta** bagi tujuan bantuan penyediaan peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan kit ujian sendiri secara *one-off*

kepada peniaga PKS dan FAMA di seluruh Negeri Johor. Usaha ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada **21 ribu peniaga berdaftar**

bagi menggalakkan penjagaan SOP serta meningkatkan kesedaran terhadap penularan wabak Covid-19.

119. Selain itu, pengecualian bayaran sewa **premis dan gerai milik PBT serta sewa tapak pasar pagi dan malam** secara bersasar akan diteruskan pada tahun hadapan. Di samping itu, diskaun sebanyak **50 peratus** akan diberikan kepada peniaga yang mempunyai tunggakan sewa premis terdahulu untuk dijelaskan pada tahun 2022. Inisiatif ini melibatkan anggaran kehilangan hasil sebanyak **RM17.9 juta** yang ditanggung oleh PBT Negeri Johor.
120. Selain itu, **pengecualian untuk pembaharuan lesen penaja dan peniaga PKS** pada tahun 2022 dengan anggaran kehilangan hasil oleh pihak PBT sebanyak **RM5 juta**.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

121. Pemulihan sosioekonomi asnaf atau fakir miskin yang terjejas akibat wabak Covid-19 juga dititikberatkan dalam belanjawan ini. Oleh itu, pemerkasaan golongan ini, terutama sekali dalam bidang keusahawanan akan dilaksanakan menerusi bantuan modal kerja, modal niaga, geran khas (RESTART) dan pembiayaan usahawan makro akan dilaksanakan. Peruntukan sebanyak **RM2.8 juta** dan menyasarkan lebih **1,400 usahawan asnaf**.
122. Dengan inisiatif-inisiatif tersebut, Kerajaan Negeri amat berharap dengan peruntukan keseluruhan **RM32.4 juta** di bawah Agenda Johor Niaga ini akan memulihkan semula perniagaan yang terjejas akibat pandemik ini.

6.2.4. Prasarana Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

123. Kesalinghubungan wilayah dan daerah menerusi pembangunan infrastruktur yang mampan adalah penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Maka, agenda seterusnya adalah berkenaan **Agenda Prasarana Johor**.

6.2.4.1. Pengangkutan Dan Infrastruktur Mega

124. Kesalinghubungan infrastruktur amat penting bagi pertumbuhan ekonomi. Pada masa ini Johor telah pun menerima beberapa projek infrastruktur mega seperti RTS, BRT dan Kereta Api Landasan Bekembar.

125. Bagi menambah baik kesalinghubungan ini, Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan projek pelebaran lebuh raya PLUS dari Yong Peng-Skudai.

126. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.2 juta** bagi melaksanakan **Projek Menaik Taraf Sistem Pengawasan Pengangkutan Awam Pintar** di Johor untuk menyediakan data terkini berkenaan lokasi bas-bas perkhidmatan Makmur Johor, menggunakan aplikasi teknologi sistem kedudukan sejagat (GPS).

6.2.4.2. Infra Kerja Raya

127. Selain sektor pengangkutan, prasarana yang amat bermanfaat untuk rakyat Johor ialah infra kerja raya.

128. Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM1.5 juta** bagi **Program Bantuan Penyelenggaraan Sekolah** untuk meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan para pelajar. Sekolah-sekolah yang memerlukan dan terpilih

akan menerima bantuan *one-off* sebanyak **RM20 ribu**.

6.2.4.3. Jalan Raya dan Jambatan

129. Kerajaan Negeri komited untuk terus memperbaiki kemudahan jalan raya untuk manfaat rakyat Johor. Oleh itu, peruntukan berjumlah **RM80.9 juta** bakal diagihkan bagi projek jalan dan jambatan di seluruh negeri. Antaranya:

- **Pertama**, bagi menambah jumlah jalan baharu di kampung-kampung, sejumlah **RM50 juta** diperuntukkan bagi pembinaan dan menaik taraf jalan kampung.
- **Kedua**, Kerajaan Negeri banyak mendengar keluhan penduduk kampung tentang keadaan jambatan-jambatan kampung atau dikenali sebagai jambatan trafik sederhana (MTB) yang sempit, usang dan tidak mampu menampung jumlah kenderaan yang meningkat. Oleh yang demikian, sejumlah **RM30 juta** diperuntukkan bagi menaik taraf dan menggantikan jambatan MTB yang rosak di seluruh negeri Johor secara berfasa.
- **Ketiga**, bagi mengurangkan kadar kes kemalangan di kawasan *hotspot* pada waktu malam, sebanyak **RM900 ribu** diperuntukkan bagi memperbanyak jumlah lampu persimpangan dan lampu *amber*.

6.2.4.4. Perumahan

130. Kerajaan Negeri akan memperhebatkan lagi usaha untuk mewujudkan rumah mampu milik di negeri Johor. Oleh itu, bagi memenuhi keperluan rakyat, Kerajaan Negeri akan melancarkan **Program Khas 'Rumah Johor'** bagi menampung kumpulan sasaran B40 dan M40.

131. Setakat 2021, berdasarkan kajian Taskforce Perumahan Negeri Johor,

jumlah RMBJ yang boleh dibina adalah 153,712 unit mengikut rizab tanah RMBJ terkumpul iaitu sebanyak 4,950 ekar.

132. Oleh itu, melalui Program Khas 'Rumah Johor' ini pemaju-pemaju perumahan yang tidak berjaya melaksanakan perumahan RMBJ dapat menyerahkan tapak tanah RMBJ tersebut kepada Kerajaan Negeri, bagi dibangunkan di bawah Program Khas 'Rumah Johor'. Di bawah program ini, rumah yang akan dijual adalah berharga **RM150,000** hingga **RM300,000 seunit**.
133. Kerajaan Negeri juga kekal komited untuk **mengendalikan kos pengurusan dan penyelenggaraan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK)** dalam Belanjawan 2022. Oleh itu, pengecualian sewa untuk penduduk di PPR dan RSK akan diberikan selama setahun yang melibatkan peruntukan **RM7.7 juta**.
134. Seterusnya, peruntukan sebanyak **RM20 juta** daripada Tabung Perumahan disediakan untuk **Program Rumah Ihsan Johor** atau sebelum ini dikenali Program Bantuan Rumah (PBR) bagi memberi peluang golongan miskin tegar dan miskin berpeluang memiliki rumah yang lebih kondusif. Program ini akan memberi manfaat kepada **200 keluarga** di seluruh negeri Johor.
135. Kerajaan Negeri juga berbesar hati untuk memberi diskaun secara *one-off* sebanyak **50 peratus** kepada penyewa di **Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK)** yang menyelesaikan tunggakan sewa iaitu dari Januari 2022 hingga Oktober 2022.
136. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melancarkan **Program CSR Mending Home** yang bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan sukarelawan untuk membaik pulih dan menaik taraf rumah PPR and RSK

dalam bentuk program sosial.

137. Bagi membantu golongan yang terkesan untuk membina semula kehidupan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM10 juta** bagi membaikpulih rumah rosak akibat ditimpa bencana.

6.2.4.5. Bekalan Air Johor

138. Kerajaan Negeri amat komited untuk menjamin kelangsungan bekalan air yang berkualiti dan berterusan di negeri ini. Selain memberi fokus terhadap pembangunan sumber air, pembangunan infrastruktur bekalan air terawat juga amat dititikberatkan. Menerusi **Rancangan Perniagaan Ranhill SAJ OP5**, pelbagai projek menaik taraf dan pembangunan infrastuktur bekalan air awam akan dilaksanakan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM1.6 bilion**.

6.2.5. Modal Insan Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

139. **Agenda seterusnya adalah Modal Insan Johor.** Modal insan merupakan pemangkin utama untuk merencanakan semula pembangunan negeri Johor. Oleh itu, inisiatif tersebut akan dilaksanakan:

- **Pertama**, peruntukan sebanyak **RM5.2 juta** disediakan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berkaitan dengan peningkatan kemahiran seperti **Program Johor Upskilling & Reskilling, Latihan Lulusan Siswazah Johor, Johor Skills Oil & Gas** dan **Pensijilan Tenaga Mahir Johor** yang memberi manfaat kepada **1,550 peserta**.
- **Kedua**, Agenda Pembangunan Modal Insan di Iskandar Malaysia diteruskan

dengan penubuhan **Geran Pekerjaan Iskandar Malaysia (IMEG)** sebanyak **RM4 juta** oleh yang akan dilaksanakan mengikut konsep keperluan tenaga kerja industri sektor ekonomi utama.

- **Ketiga**, bagi menyokong projek Sistem Rapid Transit (RTS), Kerajaan Negeri menerusi *Johor Centre for Construction Development (JCCD)* memperuntukkan **RM650 ribu** bagi menjalankan Kursus Asas Pembinaan dan Kejuruteraan Rel serta Kursus Asas Binaan.
- **Keempat**, semangat perpaduan dan kenegaraan dalam kalangan modal insan Johor akan diberi tumpuan dalam inisiatif berkaitan **Pemeriksaan Rukun Tetangga, Generasi Muda dan Perpaduan Kaum** dengan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta**.

6.2.6. Governans Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

140. **Bagi Agenda keenam, iaitu Governans Johor**, Kerajaan Negeri terus beriltizam untuk menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan dan urus tadbir supaya lebih cekap dan berintegriti.
141. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian **Geran Keseimbangan PBT** dengan peruntukan sebanyak **RM28.5 juta** bagi melaksanakan agenda dan hasrat Kerajaan Negeri di samping membantu mengukuhkan kedudukan kewangan PBT yang terkesan disebabkan oleh pandemik Covid-19.
142. Pandemik Covid-19 ini juga bukan sahaja memberi impak negatif terhadap ekonomi negeri malah menjadi penyumbang bagi masalah mental yang semakin buruk. Untuk menangani isu ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **RM800,000** dalam melahirkan **Panel Kaunselor yang**

terlatih dengan kerjasama **Universiti Utara Malaysia** dan mewujudkan **Klinik Kaunseling bergerak CARE-VAN** bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

143. Bagi merealisasikan hasrat untuk mempertingkatkan pengurusan dan pentadbiran secara digital, Kerajaan Negeri akan mengambil langkah melahirkan lebih ramai tenaga dan pakar dalam pengkomputeran awan di kalangan penjawat awam negeri ini.
144. Justeru, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Program Latihan Kemahiran *Cloud* dan *Data Analitik* melalui Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor (JCS) yang melibatkan seramai **120 pegawai Kerajaan Negeri Johor** dengan peruntukkan sehingga **RM1.5 juta**.
145. Untuk memperhebat peranan JCS dalam mendepani cabaran semasa, hasil kerjasama erat di antara Pemerintah Singapura dan Kerajaan Negeri Johor, Kementerian Luar Singapura telah **menawarkan biasiswa untuk dua Pegawai Tadbir Negeri Johor** bagi melanjutkan pengajian di ***Lee Kuan Yew School of Public Policy*** dan ***S. Rajaratnam School of International Studies*** pada tahun 2022.

6.2.7. Majestic Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

146. **Agenda yang ketujuh adalah Majestic Johor.** Bagi memacu dan merencanakan semula sektor pelancongan di Negeri Johor, Kerajaan Negeri akan melaksanakan beberapa inisiatif seperti yang berikut.

6.2.7.1. Insentif khas bagi penggiat industri pelancongan dan rangsangan sektor pelancongan Negeri Johor

147. Untuk memperkasakan sektor pelancongan dan untuk mempertingkatkan promosi produk pelancongan berpotensi, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM4 juta sebagai insentif khas kepada penggiat industri pelancongan dan antara penerima insentif khas ini termasuk:

- **Pertama**, 207 operator hotel bajet dengan peruntukan sebanyak RM414 ribu;
- **Kedua**, 232 operator chalet dan resort dengan peruntukan sebanyak RM233 ribu;
- **Ketiga**, 186 agensi-agensi pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM372 ribu;
- **Keempat**, 621 pemandu pelancong dengan peruntukan sebanyak RM621 ribu; dan
- **Kelima**, 82 pengusaha bot pelancong dengan peruntukan sebanyak RM82 ribu.

148. Tambahan, bantuan sejumlah **RM320 ribu** telah diperuntukkan untuk **persatuan pelancongan di Negeri Johor** dan **RM100 ribu** diperuntukkan sebagai **insentif bagi *business events*** yang berlangsung di Negeri Johor.

149. Untuk merangsang lagi Sektor Pelancongan negeri, **Baucar Pelancongan Johor** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini akan memberi manfaat kepada lebih **15,000 pelancong** yang berhasrat untuk melancong ke negeri ini.

150. Dalam usaha untuk membuka semula sektor pelancongan Negeri Johor,

keselamatan pelancong harus diberi keutamaan. Justeru, inisiatif ***Majestic Johor Safe (MJS)*** akan diperkenalkan untuk menambah keyakinan pelancong untuk melawat negeri Johor dengan peruntukan sebanyak **RM500 ribu**. Pasukan petugas juga akan ditubuhkan bagi melakukan pemeriksaan ke atas pemandu pelancong 2 kali setahun untuk memastikan pematuhan terhadap SOP.

6.2.7.2. Menaik taraf infrastruktur dan aktiviti pemasaran pelancongan

151. Kerajaan Negeri akan menaik taraf ibu pejabat *Tourism Johor* dengan **pembinaan Galeri Johor Tourism Information Centre (JOTIC)** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM400 ribu**.

152. Sebagai tambahan, **RM2 juta** telah diperuntukan untuk memperhebatkan promosi ***Majestic Johor*** di peringkat domestik dan antarabangsa. Peruntukan ini bertujuan untuk memasarkan keindahan dan tarikan pelancong di Negeri Johor kepada para pelancong. Antara inisiatif promosi termasuk:

- Penganjuran *Majestic Johor Signature Events* akan diteruskan untuk merencanakan lagi aktiviti pelancongan dengan peruntukan sebanyak **RM2.7 juta** termasuklah ***Desaru International Bike Week, Kembara Mahkota Johor, boxing event, Tunku Laksamana Charity Golf, Festival Bangsa Johor*** dan **Festival Kesenian dan Kebudayaan Negeri Johor**.

6.2.8. Masyarakat Desa Johor

Yang Berhormat Tuan Speaker,

153. Agenda kelapan adalah Masyarakat Desa Johor. Kerajaan Negeri sentiasa peka akan potensi Desa Johor. Inisiatif-inisiatif di bawah agensi di bawah Kerajaan Persekutuan seperti FELDA dan RISDA akan diteruskan seperti

direncanakan untuk tahun hadapan.

154. Kerajaan Negeri Johor akan **memperhebat dan meneruskan Pelan Rejuvenasi Desa** pada tahun hadapan. Seajar dengan itu, sebanyak **RM2 juta** telah diperuntukkan oleh IRDA bagi meneruskan **Program Penambahbaikan & Pemerksaan Kampung Tradisi Iskandar Malaysia (VEEP)**. Program ini menyasarkan 6 kampung melalui projek sosio ekonomi yang dijangka akan meningkatkan hasil pendapatan koperasi komuniti kampung masing-masing.

6.2.9. Orang Muda Johor (OMJ)

155. **Agenda kesembilan Yang Berhormat Tuan Speaker, adalah Orang Muda Johor (OMJ)**. Agenda ini menyasarkan **1.5 juta golongan belia** berumur antara 14 ke 39 tahun.
156. Melalui agenda ini, Kerajaan Negeri bakal memperuntukkan sebanyak **RM42.5 juta** untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang menyokong penglibatan dan pembangunan Orang Muda Johor dalam sektor ekonomi dan sosial.

6.2.9.1. Penubuhan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre di Kluang dan Pasir Gudang

157. TMIYC memainkan peranan yang penting sebagai hab aktiviti belia. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan merangka dasar berkenaan konsep pembangunan dan aktiviti TMIYC di setiap daerah. Berpandukan kebitaraan setiap daerah, saya yakin komponen TMIYC yang dibangunkan akan memenuhi keperluan dan kehendak Orang Muda Johor.
158. Kerajaan Negeri juga akan memperluas TMIYC ke daerah Kluang dan Pasir Gudang pada tahun hadapan. Bagi fasa awal **TMIYC di Kluang, RM2.5**

juta bakal diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan sukan dan riadah sedia ada di Renggam. Bagi **TMIYC Pasir Gudang** pula, **RM15 juta** akan diperuntukkan oleh Majlis Bandaraya Pasir Gudang.

6.2.9.2. Melahirkan Pemimpin Masa Depan Johor

159. Selain itu, sejumlah **RM1.5 juta** bakal diperuntukkan menerusi Institusi Dato' Onn (IDO) untuk terus memperkasakan potensi Orang Muda Johor.
160. Bagi tujuan itu, IDO akan diperkasakan melalui inisiatif ***One Stop Centre for Youth*** dengan peruntukan sebanyak **RM150 ribu**. Selain itu, pelaksanaan inisiatif-inisiatif seperti **Saujana Talk: Orang Muda Johor 2022, Program Medini Leadership, Inisiatif Hikmah Johor, Johor Apprentice II** dan **Dewan Muda Johor** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM1.25 juta**.
161. Tambahan lagi, Kerajaan Negeri juga komited untuk **memperkasakan peranan dan tanggungjawab Johor Youth Development Centre (JOYDEC)**. Peruntukan sebanyak **RM 1 juta** diberikan.

6.2.9.3. Penglibatan Anak Muda dalam Sukan

162. Sebagaimana sedia maklum, negeri Johor kini terkenal di seluruh dunia kerana kecemerlangan pasukan JDT dan kehebatan Stadium Sultan Ibrahim.
163. Pada tahun 2020, Johor diberi kepercayaan menganjurkan SUKMA, namun dilanjutkan pada tahun 2024 disebabkan pandemik. Kini Kerajaan Negeri memastikan kemudahan sukan akan sentiasa diselenggara, ditambahbaik

dan bertaraf antarabangsa.

164. Penganjuran aktiviti sukan melibatkan program pembangunan bakat ahli sukan berprestasi tinggi turut akan dilaksanakan. Dapatan awal **Johor Sports Masterplan 2030** menunjukkan Johor mampu menjadi sebuah **Sports Powerhouse** menjelang tahun 2030.
165. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bakal melaksanakan **inisiatif-inisiatif berteraskan sukan menerusi penglibatan atlet dan masyarakat yang mana disertai** dengan kos keseluruhan berjumlah **RM14.5 juta** termasuklah contohnya seperti Program GRIT Johor 2030, program pembangunan bakat oleh Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ), dan Karnival Sukan Makmur XTIF Johor.

6.2.10. Johor Madani

166. **Agenda kesepuluh adalah Johor Madani.** Secara tuntasnya, Johor haruslah kekal menjadi negeri yang mengekalkan adat dan budaya di samping memastikan kelestarian alam sekitarnya.
167. Oleh itu, di bawah agenda Johor Madani ini, beberapa inisiatif akan dirangkumkan menerusi aspek **Pemeriksaan Syiar Islam** dan **Kelestarian Alam dan Kesihatan.**

6.2.10.1. Pemeriksaan Syiar Islam

168. Bagi aspek **Pemeriksaan Syiar Islam**, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan **RM34.8 juta** untuk pembinaan Sekolah Agama Kerajaan Johor. Bagi **Fasa 1 hingga 4**, **RM16.8 juta** akan dibelanjakan manakala untuk **Fasa 5**, **RM18 juta** lagi akan dimanfaatkan. Pembinaan sekolah-sekolah ini telah memberi manfaat kepada lebih **100 ribu orang pelajar.**

169. Kerajaan Negeri juga berhasrat membangunkan **Pusat Astronomi dan Balai Cerap di Pontian**. Sebagai permulaan, satu kajian kebolehlaksanaan akan dijalankan dengan peruntukan awal sebanyak **RM2 juta**.

6.2.10.2. Kelestarian Alam Sekitar

170. Bagi inisiatif Kelestarian Alam Sekitar pula, Kerajaan Negeri akan memperkasa usaha untuk memelihara daya hidup sungai-sungai di Johor. Atas kesedaran itu, sejumlah **RM4.5 juta** diperuntukkan untuk **meningkatkan kelestarian sungai-sungai di Johor**.

171. Antara usaha yang akan digerakkan di bawah peruntukan tersebut ialah membersihkan sampah-sarap di Sungai Skudai dan Sungai Tebrau sekali gus meneruskan program pemulihan kedua-dua sungai.

172. Selain itu, menjalankan program 1 Daerah 1 Sungai (1D1S), pemulihan Sungai Kim Kim dan Projek Denai Sungai Negeri Johor dan Pengindahan Rizab Sungai.

173. Bagi memperkukuh lagi **usaha menjaga kelestarian alam sekitar**, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan *World Wildlife Foundation (WWF) Malaysia* untuk **konservasi flora dan fauna dan membangunkan pengeluaran bahan api bio daripada sumber asli**.

174. Kerajaan Negeri menerusi PBT juga akan **menambahbaik *Urban Park*** bagi menggalakkan amalan gaya hidup sihat, memperindah pintu masuk Johor yang akan dijalankan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama Majlis Perbadaran Kulai (MPKu).

175. Selain itu, cadangan untuk **membangunkan pengurusan sisa pepejal yang lestari dan berteknologi moden berkonsepkan *waste to energy*** di Seelong, Pasir Gudang dan Pengerang juga sedang dikaji.
176. Bagi memastikan sistem pembentungan yang lebih efisien, Kerajaan Negeri akan **melengkapkan pengambilalihan operasi dan penyelenggaraan sistem pembentungan di kawasan MBBB dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang** oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd dengan kerjasama Johor Special Water Sdn Bhd.

6.2.11. Johor Prihatin

Yang Berhormat Tuan Speaker,

177. **Agenda kesebelas adalah Agenda Johor Prihatin.** Sebagai kesinambungan kepada Belanjawan 2021, agenda ini memberi tumpuan kepada kumpulan rentan, kanak-kanak, wanita, warga tua dan orang kurang upaya (OKU) di Johor. Contohnya, pada tahun hadapan, **Program Cari Orang Memerlukan Bantuan (COMB)** akan diteruskan.
178. Dalam Belanjawan 2021, program ini telah berjaya menyantuni hampir 20,000 orang yang memerlukan bantuan dan 8,000 pemohon telah menerima manfaat. Pada tahun hadapan pula, program *outreach* ini akan ditambah baik dengan penawaran perkhidmatan dan bantuan daripada gabungan 9 agensi Kerajaan dan lain-lain pihak.
179. Kerajaan Negeri juga akan memberi tumpuan kepada usaha pemerkasaan dan pembangunan usahawan wanita melalui bantuan asas perniagaan dan kursus bimbingan kemahiran. Bagi tujuan tersebut, **RM500 ribu** akan diperuntukkan untuk **Skim Bantuan Peralatan Perniagaan (SKIPP)**; dan **RM130 ribu** untuk **Women Income Generating Skills Projects (WINGS)** dan bakal memanfaatkan seramai **550 orang**, termasuk ibu tunggal dan

suri rumah.

180. Bagi memperkukuh peranan wanita dalam pelbagai bidang, **Pelan Tindakan Pemerkasaan Wanita Negeri Johor** akan dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, **sebuah jawatankuasa akan ditubuhkan** untuk menjadi kumpulan pemikir dan penasihat negeri dalam hal ehwal wanita.
181. Berikutan penglibatan wanita yang menggalakkan terhadap **Program Pesona Wanita Profesional Johor**, program ini akan diteruskan pada tahun hadapan, dengan peruntukan berjumlah **RM500 ribu**.
182. Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan Anugerah Ikon Wanita Profesional (IKONITA) Johor. Anugerah ini bagi menghargai golongan wanita yang dihormati dan disegani dalam masyarakat dan menjadi suri teladan kepada umum.
183. Peranan dan keberadaan NGO Wanita di Negeri Johor juga amat dialu-alukan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, **Sinergi Pemerkasaan NGO Wanita Johor (SPEAK)** dengan peruntukan sebanyak **RM250 ribu** akan diadakan bagi menggalakkan integrasi dan kerjasama agensi awam dan pertubuhan swasta di negeri Johor.

6.2.12. Johor Berkebajikan

184. Agenda terakhir adalah agenda Johor Berkebajikan. Agenda ini memberi fokus kepada pemberian tunai dan bantuan secara langsung untuk mengurangkan beban dan memulihkan mata pencarian rakyat.
185. Di sini, saya ingin mengumumkan beberapa inisiatif seperti berikut:
 - **Pertama**, peruntukan sebanyak **RM135 juta** akan disediakan bagi pelaksanaan bantuan tunai. Saya berharap agar bantuan tunai ini sedikit sebanyak dapat

meringankan beban dan memberikan kelegaan bagi mereka yang memerlukan.

- Sebanyak **RM90 juta** akan digunakan bagi **meneruskan program bantuan Kasih Johor** dengan menambah bilangan penerima daripada 300 ribu penerima kepada **450 ribu** yang terdiri daripada golongan B40.
 - **Kedua**, pemberian wang tunai secara *one-off* kepada **setiap orang pelajar sekolah rendah dan menengah yang berpendapatan dari keluarga RM 3,001 – RM 7,000** akan diteruskan pada tahun hadapan. Inisiatif ini adalah bagi melengkapkan bantuan awal persekolahan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi golongan yang berpendapatan di bawah RM 3,000. Sejumlah **RM33 juta** akan diperuntukkan dan memanfaatkan **220,000 pelajar**.
 - **Ketiga**, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberian peruntukan khas sebanyak **RM5 juta** kepada **Yayasan Sultanah Rogayah** dan **RM7 juta** kepada **Yayasan Sultanah Fatimah**. Bagi memastikan agihan bantuan ini tidak cenderung kepada sebarang unsur politik Kerajaan Negeri akan memastikan yayasan-yayasan tersebut dianggotai golongan profesional.
 - **Keempat**, bagi golongan asnaf, sebanyak **RM500 ribu** akan diperuntukkan untuk **kebijakan sosial dan institusi**. Diharapkan usaha ini akan memanfaatkan anak-anak yatim, warga tua yang tidak berwaris, persatuan orang kurang upaya dan lain-lain.
186. Selain itu, Kerajaan Negeri juga peka bahawa terdapat keperluan lain selain bantuan berbentuk tunai. Untuk meringankan beban berkaitan dengan kos pendidikan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM16.3 juta** sebagai bantuan pendidikan kepada **7,574 pelajar** yang kurang berkemampuan.

187. Peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** telah disediakan untuk **Skim Bantuan Pendidikan**. Ia bertujuan untuk membantu mengurangkan beban kewangan pelajar bagi meneruskan pembelajaran di institut pengajian tinggi. Insentif ini akan memberi manfaat kepada 1,700 mahasiswa daripada keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah, dan baru mendaftar di IPT dalam peringkat Diploma dan Ijazah.
188. Bagi **pinjaman pelajaran pula**, sebanyak **RM12.5 juta** telah disediakan untuk inisiatif ini. Tujuannya adalah untuk menyediakan pinjaman pelajaran kepada mahasiswa dan keutamaan akan diberi kepada keluarga B40. Seramai 2,200 orang mahasiswa akan menerima faedah daripada inisiatif ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

189. Satu Jawatankuasa Taskforce Masyarakat India yang diwujudkan dalam Belanjawan Johor 2021 akan diperhebatkan. Jawatankuasa ini telah memfokuskan hal-hal Masyarakat India yang meliputi perkara-perkara berkaitan kebajikan dan keagamaan, pendidikan dan peluang pekerjaan antaranya adalah seperti berikut:
- Penawaran sekurang-kurangnya 5 pelantikan daripada Kaum India meliputi pelbagai gred dan jawatan dalam perkhidmatan di setiap PBT negeri Johor,
 - Menyerahkan Krematorium Awam kepada PBT berkaitan iaitu Majlis Perbandaran Segamat (MPS) dan Majlis Daerah Labis (MDL) untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan, dan
 - Dasar dan Garis Panduan akan diteliti bagi tujuan penyelarasan pembukaan Tanah Perkuburan dan Tapak Khairat Masyarakat India di kawasan terpilih negeri Johor.

190. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui MAIJ berhasrat untuk **membangunkan Pusat Hemodialisis** di atas Tanah Baitulmal di Muar. Jumlah peruntukan yang disediakan untuk rancangan ini adalah **RM2 juta**.
191. Dalam kesempatan ini, Kerajaan Negeri juga ingin menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai pihak yang turut bersama-sama dengan Kerajaan Negeri yang membantu di sepanjang pandemik ini.
192. Antaranya, **Yayasan Sultan Ibrahim Johor** telah menyalurkan sumbangan sebanyak **RM55 juta** dalam pelbagai bentuk bantuan seperti pembelian ventilator dan pakaian pelindungan diri (PPE) serta keperluan asas kepada golongan yang memerlukan. Selain itu, **Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor** juga turut sama menyumbangkan pelbagai keperluan berkaitan kesihatan yang berjumlah **RM2.5 juta**.
193. Tidak dilupakan juga, jasa dan khidmat penjawat awam yang telah menjayakan agenda pembangunan dan kebajikan negeri. Kepada Penjawat Awam Negeri Johor yang menjadi tulang belakang kepada kelancaran pentadbiran, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan **Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan Kakitangan Awam Persekutuan yang dibayar gaji oleh Kerajaan Negeri Johor, sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1 ribu**.
194. Bantuan khas kewangan ini juga akan dipanjangkan kepada semua, Guru KAFA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru Tadika Islam Johor (TAJ). Bantuan khas kewangan ini akan dibayar sebelum akhir tahun 2021.

7.0. Penutup

195. Kita sebenarnya masih bergelut dengan kesan pandemik Covid-19 ini. Ramai rakyat Johor yang terkesan, walaupun ia sudah berlaku hampir dua tahun. Ramai yang gusar, termasuk kita semua. Namun, adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai rakyat dan pemimpin, untuk memastikan Kerajaan Negeri memberikan sepenuh perhatian untuk memastikan setiap rakyat Johor yang terkesan dapat dibantu dan diberikan bantuan untuk bangkit semula.
196. Segala peruntukan, pemberian tunai, insentif cukai, insentif bukan monetari lain dan rangsangan yang saya bentangkan, hanya merupakan sebahagian daripada keseluruhan Belanjawan Negeri Johor untuk tahun 2022.
197. Pucuk pangkalnya, dan yang pasti kesemua 12 Agenda Kebajikan, Keberdayaan, dan Keberhasilan Utama dan kesemua inisiatif belanjawan tahun ini akan menyumbang dan merealisasikan Dua Asas Utama Belanjawan Negeri Johor 2022, iaitu **meringankan bebanan rakyat yang masih terhimpit akibat pandemik dan melaksanakan kesemua inisiatif dan agenda bagi memulih dan memperhebatkan semula sektor ekonomi Johor secara menyeluruh.**
198. Jika Belanjawan 2021 merupakan permulaan untuk Johor bangkit semula daripada krisis pandemik Covid-19, Belanjawan 2022 pula merupakan katalis kebangkitan bagi **memperhebatkan kesejahteraan rakyat dan memakmurkan ekonomi negeri** yang berkepentingan nasional dan global.
199. Kepada seluruh jentera Kerajaan Negeri Johor yang telah bekerja keras dan memerah idea dan keringat untuk merealisasikan dokumen Belanjawan 2022 ini, jutaan terima kasih saya ucapkan. Moga Allah SWT membalas kebaikan dan jasa kalian, ***Ameen ya Rabbal Alamin.***

200. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kesemua pemegang taruh dari pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, golongan anak muda, kumpulan profesional, dan terutama sekali semua lapisan masyarakat yang telah menyumbang idea, input dan cadangan. Percayalah dengan sokongan dan sumbangan anda semua, Belanjawan 2022 menjadi suatu kenyataan.
201. Kerana itulah saya ingin menegaskan dan mengingatkan keseluruhan jentera Kerajaan Negeri Johor bahawa pembentangan belanjawan ini bukanlah garisan penamat. Ia merupakan sebuah perjalanan dalam suatu destinasi demi mensejahterakan rakyat.
202. Tanggungjawab untuk melaksanakan segala peruntukan dan inisiatif yang dihasratkan oleh rakyat, sebagaimana yang terkandung dalam Belanjawan 2022, jatuh ke atas bahu kita semua.
203. Justeru, saya mengingatkan diri saya, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan seluruh kakitangan perkhidmatan awam Johor, bahawa dalam pelaksanaan Belanjawan 2022, secara langsung ia merupakan suatu amanah besar rakyat ke atas Kerajaan Negeri Johor.
204. Sebagai rakyat Johor, saya menyeru agar kita semua menjiwai belanjawan ini dan segerakanlah melaksanakan apa jua inisiatif yang terkandung dalam Belanjawan ini.
205. Saya yakin bahawa dalam setiap sanubari Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mempunyai perasaan yang sama iaitu, kita merupakan orang yang paling bahagia, apabila kita menyaksikan rakyat mendapat manfaat yang maksimum, hasil daripada dasar dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Justeru, perbetulkan *nawaitu*, dan laksanakanlah tugas dan amanah dengan berintegriti. Sebagai hamba-Nya, kita hanya boleh berusaha dan berdoa, dan selebihnya kita berserah kepada Allah SWT.

206. InsyaAllah dengan izin Allah, kita boleh menjayakan Belanjawan 2022 demi kemakmuran negeri Johor dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

207. Bagi mengakhiri kalam, dengan hati yang ikhlas untuk berkhidmat dan berbakti kepada rakyat Johor yang dikasihi, marilah kita berpegang teguh dengan dua tagline Johor iaitu Muafakat itu Berkat, dan Kepada Allah kita Berserah.

208. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya mohon mencadangkan.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.